

Wujudkan kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sempena Majlis Huffaf Takharruj Ke-9 UNISSA pada Khamis, 28 Zulhijjah 1440 Hijrah bersamaan 29 Ogos 2019 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wahibee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuridunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

BEATA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama meraikan Majlis Hafluj Takharruj Kali Ke-9, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing. Demikian juga kepada ibu bapa, penjaga serta para pensyarah yang sama-sama memberikan sumbangan signifikan kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan pada hari ini.

Sebagai gedung penjana ilmu pengetahuan, UNISSA juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran dan tuntutan semasa. Iini termasuklah kesedian UNISSA untuk terlibat

dalam mengharungi gelombang Revolusi Industri Keempat, yang secara drastik telah merubah cara hidup manusia dan dunia dalam pekerjaan.

Bagi menghadapi cabaran ini, UNISSA perlu peka dalam menyedia dan menawarkan program-program pengajianannya. Program-program tersebut mustahak dikenal pasti sebagai mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa dan juga se cocok dengan transformasi digital, tanpa mengabaikan peranan utamanya untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa.

Dalam situasi ini, UNISSA sebenarnya adalah tersendiri, la berbeza dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Semangat dan sasarannya juga berbeza. Kerana itu pada hemat beta, bukanlah perkara yang mendesak untuk mesti mencejar ranking dunia yang sedia ada, berdasarkan ia hanya ciptaan orang lain dan kriteria kecemerlangan juga ditetapkan oleh mereka sendiri.

Sedang aras kecemerlangan sebenar tidak semestinya ditentukan oleh sebuah komuniti atau negara sahaja, melainkan sepatutnya menjadi hak kepada banyak pihak untuk sama-sama menentukannya.

Kecemerlangan memang wajar dicari. Kita tidak boleh berhenti dari

mengusahakannya. Bagi UNISSA, buktikanlah ianya cemerlang. Wujudkan kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik oleh para pensyarah dan penuntut, dengan melazimkan rajin menulis, seperti buku atau kajian atau artikel-artikel ilmiah dan menghantar tulisan-tulisan tersebut ke journal-journal antarabangsa.

Kita sedia mempunyai banyak bahan, malah di UNISSA sendiri bahan-bahan itu sudah ada, tinggal sahaja lagi kita maua ataupun tidak untuk memanfaatkannya.

Di antara program-program pengajian UNISSA : Ada Program Undang-Undang dan Perundangan Syariah, Program Usuluddin, Program Tahfiz dan Qira'at, Program Pengurusan Perniagaan, Program Sains dalam Kewangan Islam, Program Syariah (Fiqeh dan Hekahiman), Program Sejarah dan Tamadun Islam, Program Bahasa Arab dan Penterjemahan, Program Sains Halal dan lain-lain.

Ini semuas adalah bahar. Janya bukan saja jurusan untuk dipelajari, malahan juga boleh dituliskan dalam bentuk buku atau tulisan atau kajian atau artikel. Jika ini mampu dibuat sehingga jadi budaya kepada UNISSA, maka beta berpendapat, inilah antara ciri kriteria kecemerlangan yang lebih melayakkkan UNISSA menempati ranking.

Pada masa ini tidak terdapat tanggapan walaupun satu pun, tentang institusi pendidikan tinggi Islam tidak relevan. Sedang pendapat yang sahah, telah meletakkan pendidikan tinggi Islam itu sebagai keperluan asasi yang tidak boleh diabaikan kerana daripadanya muncul tamadun yang sempurna.

Kerana itu beta berpendirian, pengajian dan pendidikan Islam mestu terus diperkasa kerana ia adalah teras segala kepentingan, yang mampu untuk menghadirkan segala kebaikan untuk bangsa dan negara.

Beta suakita mengambil maklum bahawa UNISSA telah menyediakan Pelan Strategik 2019-2023. Beta berharap pelan ini akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti pengajian yang ditawarkan, mampu menghasilkan penyelidikan bermutu serta memberikan perkhidmatan dan urus tadbir yang cemerlang. Ketiga-tiga elemen ini adalah merupakan ciri yang mesti wujud di UNISSA.

Akhirnya beta mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi para Ahli Majlis dan Senat, Rektor, Pegawai Utama, ahli-ahli akademik, dan seluruh pegawai dan kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala juga yang akan membela mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

2 SEPTEMBER 2019 BERSAMAAN 1441 محرم 2

AWAL TAHUN HIJRAH PERMULAAN KEAZAMAN

ALHAMDULILLAH, kita sekarang sudah masuk ke tahun 1441 Hijrah. Kita haruslah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat-Nya kita masih lagi diberi nikmat untuk terus hidup antarabangsa.

Baru-baru ini, Awal Tahun Hijrah disambut dengan bacaan Doa Akhir Tahun dan diikuti pula dengan Doa Awal Tahun Hijrah. Sambutan Awal Tahun Hijrah bukan hanya sesuatu yang disambut setiap tahun, malah ia satu permulaan keazaman kuat untuk mengubah diri kepada yang lebih baik dan sentiasa bertaubat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mencari keredaan-Nya dalam apa sahaja yang kita lakukan. Oleh itu, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah kita agar menjadi hamba yang dikasihi dan direndai Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menggalakkan umatnya untuk berhijrah daripada kurang baik kepada yang baik dan daripada yang baik kepada yang lebih baik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 20 :

Tafsirnya : "Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah."

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : *Daripada Muawiyah katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Hijrah tidak akan berakhir sehingga berakhirknya peluang bertaubat dan peluang bertaubat tidak berakhir sehingga matahari terbit dari sebelah Barat."*

Adalah wajib bagi setiap Muslim untuk berhijrah dan Hijrah tidak akan terputus selagi seorang Muslim itu sentiasa bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu dengan meninggalkan segala yang ditegah dan diaramkan oleh-Nya.

Maka bersempena Awal Tahun Hijrah ini, marilah kita sama-sama berhijrah dalam bentuk meninggalkan larangan-Nya dan memperkasakan diri kita selaku umat Islam agar tidak mudah tunduk dengan hawa nafsu dan hasutan syaitan yang sentiasa tidak berputus asa menyersetkan kita. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan berhijrah ke arah yang lebih baik, mudah-mudahan dengan demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun bangsa, agama dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

- Ketua Penyuntingan (Ki).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISININ	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	34 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	33 °C	32 °C
24 °C	26 °C	26 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	33 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
34 °C	34 °C	32 °C
24 °C	26 °C	26 °C
Wattauhlaam Bissawib Jahatan Kajicusa Brunei Darussalam www.met.gov.bn	Tallan Cuaca 114 Brunei WX App	Google Play App Store

WAKTU SEMBAHYANG										
<i>firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."</i>										
Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISININ	2	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.27	6.26	7.36
3	SELASA	3	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.26	6.26	7.36
4	RABU	4	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.25	6.25	7.35
5	KHAMIS	5	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.35
6	JUMAAT	6	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.23	6.25	7.34
7	SABTU	7	4.45	4.55	6.13	6.35	12.20	3.22	6.24	7.34
8	AHAD	8	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.21	6.24	7.33

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | 993 | 995 | 998 | NDMC 2380214

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darurssalam